

22 JUN 2003

Kurup-Pilihan raya

MASALAH DALAMAN MUNGKIN JEJAS PELUANG BN SAPU BERSIH DI SABAH

KOTA KINABALU, 22 Jun (Bernama) -- Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup berkata hasrat Barisan Nasional (BN) untuk menyapu bersih kesemua 60 kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah pada pilihan raya negeri nanti akan terjejas sekiranya wujud masalah dalaman parti itu terutama perebutan kerusi.

Beliau berkata walaupun BN berada dalam kedudukan amat baik untuk mencapai kemenangan 100 peratus kerana pembangkang tidak kuat, namun masalah dalaman parti sedikit sebanyak boleh menjejaskan peluang BN.

"Kalau ada 'kacau-kacau' di dalam BN, misalnya, ada orang yang tidak dipilih menjadi calon atau tidak mendapat kawasan yang mereka inginkan, ia tentulah menjejaskan kekuatan kita.

"Ini kerana apabila tidak berpuas hati, mereka mungkin membuat sesuatu yang tidak sihat yang bertentangan dengan semangat perpaduan yang kita amalkan selama ini," katanya kepada pemberita ketika ditemuai pada Pesta Perahu Naga Sabah, di Lagoon Park, Karambunai, dekat sini hari ini, yang dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Ahmadshah Abdullah. Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Musa Aman.

Oleh itu, Kurup yang juga Menteri Belia dan Sukan Negeri, berharap semua pihak terutama parti-parti komponen BN negeri supaya berkompromi dan menerima sebarang ketetapan yang dibuat oleh pucuk pimpinan BN khususnya dalam soal pembahagian kerusi.

Beliau berkata nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa "Umno mungkin kuat tetapi ia boleh runtuh akibat kuasa-kuasa dalam parti itu" bukan sahaja terpakai untuk Umno tetapi juga boleh dijadikan iktibar dalam BN.

"Apa yang jelas ialah semua calon akan bertanding atas tiket BN dan oleh itu, apa juga masalah dalaman mesti diselesaikan dalam semangat kekeluargaan BN," katanya.

Dalam konteks pilihan raya negeri Sabah, BN mungkin tidak menghadapi cabaran yang banyak daripada pihak pembangkang tetapi "kita perlu bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan dalam arena politik".

"Kita harus bertolak ansur dalam soal pemilihan calon dan pembahagian kerusi dan setelah kita membuat ketetapan, kita mesti bersatu dan melupakan apa yang berlaku demi kebaikan bersama," katanya.

Dewan perlu mengadakan pilihan raya negeri sebelum April tahun depan.

-- BERNAMA

NT MAI